

## **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PESERTA AKTIVITI DALAM TALIAN (MERIT)**

Garis panduan ini sebagai rujukan kepada penganjur (Badan Pelajar / PTJ / Kolej & Fakulti) bagi pendaftaran peserta aktiviti dalam talian yang ingin mendapatkan merit.

1. Sebarang permohonan bagi merit penganjuran perlu :
  - a. Permohonan dalam *Student Activity Application System* – **Permohonan oleh Badan Pelajar**
  - b. Surat Permohonan Merit kepada Timbalan Naib Canselor HEPA – **Permohonan oleh (PTJ / Kolej & Fakulti)**
2. Borang pendaftaran dalam talian hendaklah dibuka dalam tempoh tertentu.
  - a. Aktiviti yang berlangsung selama 1 jam, borang pendaftaran boleh dibuka bermula aktiviti sehingga tamat.

Contoh situasi:

Aktiviti bual bicara dalam talian bermula jam 9:00pagi – 10:00pagi.  
Peserta perlu mendaftar dalam tempoh aktiviti sedang berlangsung.

- b. Aktiviti yang berlangsung lebih 1 jam, borang pendaftaran boleh dibuka selama tempoh 1 jam semasa aktiviti berlangsung.

Contoh situasi:

Aktiviti forum dalam talian bermula jam 9:00pagi – 12:00tengahari.  
Peserta perlu mendaftar dalam tempoh 1 jam pertama ketika aktiviti sedang berlangsung.

3. Sekiranya peserta gagal mendaftar dalam tempoh tersebut, markah merit tidak akan dikira.
4. Namun demikian, pihak penganjur boleh menentukan tempoh waktu pendaftaran atau kaedah pendaftaran mengikut kesesuaian aktiviti yang dijalankan.